

SENI TOPENG SEBAGAI MANIFESTASI SENI YANG UNGGUL: MEWARNAI TAMADUN SERTA BUDAYA MANUSIA SECARA GLOBAL

Baharudin Mohd Arus
Universiti Brunei Darussalam

Seni topeng melihatkan bahan budaya yang sejagat bentuknya. Topeng adalah satu fenomena yang wujud secara semula jadi di kalangan manusia di seluruh dunia. Setiap bangsa dan tamadun mempunyai budaya topeng mereka tersendiri: dari Timur hingga ke Barat dan dari kaum primitif hingga masyarakat moden. Peranan topeng bermula sejak zaman batu lagi. Ini dapat dikesan melalui peninggalan lukisan dinding gua yang menggambarkan pemakaian topeng yang berbentuk binatang di dalam gua batu seperti di Altamira (Sepanyol) dan di Lascaux dan Dodogone (Perancis). Topeng kekal hingga ke hari ini walupun telah melalui liku-liku sejarah manusia yang pelbagai ragam sejak 30,000 tahun yang lalu. Ketahanan budaya topeng sehingga ke hari ini membuktikan kepada kita bahawa perlunya bahan budaya ini diberikan satu pemerhatian yang istimewa.

Apakah yang dimaksudkan dengan topeng? Menurut *Kamus Dewan*, topeng ialah sesuatu yang menutup muka atau berselindung. Diana Devlin dalam bukunya, *Mask and Scene*, menekankan bahawa topeng dipakai bukan untuk melakonkan watak apa yang digambarkan oleh topeng tetapi mempernyatakan kualiti topeng itu sendiri iaitu topeng itu dicipta sebagai representatif simbolik yang dekoratif (1989:54). Menurut Carl Jung, ahli psikologis abad kedua puluh pula mentafsirkan topeng sebagai persona. Kata beliau lagi, manusia mempunyai persona atau dwi personaliti. Kadang kala, watak yang dipinjam itu lebih mendominasi watak yang sebenar seperti ahli politik dan pelakon. Menurut Dr. I Wayan Dibia dari Bali, perkataan topeng berasal dari perkataan Jawa yang berbunyi 'tup' atau 'tutup' (I Wayan Dibia 1994:2). Socrates pula mentafsirkan topeng dengan nada sinis sambil berkata, "*to know what is serious, we must also know what is laughable*" (Sorrell 1993: 13).

Topeng itu ibarat melihat wajah diri di dalam cermin, tetapi apa yang dilihat adalah alam semesta yang pelbagai maksudnya. Misalnya, kepada kaum asli Irian Jaya, Afrika, dan kepulauan Micronesia, topeng dianggap sebahagian dari agama dan kepercayaan. Topeng sentiasa digunakan bukan sahaja oleh pelakon, bomoh, dan panglima, bahkan rakyat biasa (Devlin 1989:56). Di Asia Tenggara pula, kepulauan Bali menjadikan topeng sebahagian dari acara agama yang

SENI TOPENG SEBAGAI MANIFESTASI SENI YANG UNGGUL: MEWARNAI TAMADUN SERTA BUDAYA MANUSIA SECARA GLOBAL

Baharudin Mohd Arus
Universiti Brunei Darussalam

Seni topeng melihatkan bahan budaya yang sejagat bentuknya. Topeng adalah satu fenomena yang wujud secara semula jadi di kalangan manusia di seluruh dunia. Setiap bangsa dan tamadun mempunyai budaya topeng mereka tersendiri: dari Timur hingga ke Barat dan dari kaum primitif hingga masyarakat moden. Peranan topeng bermula sejak zaman batu lagi. Ini dapat dikesan melalui peninggalan lukisan dinding gua yang menggambarkan pemakaian topeng yang berbentuk binatang di dalam gua batu seperti di Altamira (Sepanyol) dan di Lascaux dan Dodogone (Perancis). Topeng kekal hingga ke hari ini walaupun telah melalui liku-liku sejarah manusia yang pelbagai ragam sejak 30,000 tahun yang lalu. Ketahanan budaya topeng sehingga ke hari ini membuktikan kepada kita bahawa perlunya bahan budaya ini diberikan satu pemerhatian yang istimewa.

Apakah yang dimaksudkan dengan topeng? Menurut *Kamus Dewan*, topeng ialah sesuatu yang menutup muka atau berselindung. Diana Devlin dalam bukunya, *Mask and Scene*, menekankan bahawa topeng dipakai bukan untuk melakonkan watak apa yang digambarkan oleh topeng tetapi mempernyatakan kualiti topeng itu sendiri iaitu topeng itu dicipta sebagai representatif simbolik yang dekoratif (1989:54). Menurut Carl Jung, ahli psikologis abad kedua puluh pula mentafsirkan topeng sebagai persona. Kata beliau lagi, manusia mempunyai persona atau dwi personaliti. Kadang kala, watak yang dipinjam itu lebih mendominasi watak yang sebenar seperti ahli politik dan pelakon. Menurut Dr. I Wayan Dibia dari Bali, perkataan topeng berasal dari perkataan Jawa yang berbunyi 'tup' atau 'tutup' (I Wayan Dibia 1994:2). Socrates pula mentafsirkan topeng dengan nada sinis sambil berkata, "*to know what is serious, we must also know what is laughable*" (Sorrell 1993: 13).

Topeng itu ibarat melihat wajah diri di dalam cermin, tetapi apa yang dilihat adalah alam semesta yang pelbagai maksudnya. Misalnya, kepada kaum asli Irian Jaya, Afrika, dan kepulauan Micronesia, topeng dianggap sebahagian dari agama dan kepercayaan. Topeng sentiasa digunakan bukan sahaja oleh pelakon, bomoh, dan panglima, bahkan rakyat biasa (Devlin 1989:56). Di Asia Tenggara pula, kepulauan Bali menjadikan topeng sebahagian dari acara agama yang

berpengaruh sekali. Ia digunakan hampir dalam setiap pementasan serta teater tradisional. Teater tradisional Bali yang berteraskan agama Hindu seperti Barongan, Babat Calonarang, dan Wayang Wong tidak akan wujud tanpa topeng. Justeru itu, pengukir topeng mendapat penghormatan yang istimewa dan disanjung oleh masyarakat tempatan. Di antara pengukir topeng Bali terkenal ialah Chorkorde-Rake Tublen, Chorkorde Rake Tisnu, Bagu Tilem, I Made Ade dan I Wayan Tangguh (Richter 1993:130). Tokoh-tokoh ini menghasilkan topeng yang tinggi mutunya, bukan sahaja digunakan dalam persembahan tetapi menjadi koleksi peminat topeng.

Topeng Bali yang terkenal dapat dilihat melalui ragam hiasnya yang unik. Misalnya topeng yang dianggap suci selalunya diukir dengan teliti dan halus. Pembuat topeng terdiri daripada keluarga brahmin yang tinggi martabatnya. Mereka mewarisi kesenian tersebut melalui keturunan mereka yang arif dalam pengukiran topeng. Mereka harus mengetahui adat serta ritual tertentu yang dipanggil 'Dharmaning Sangging' sebelum boleh memulakan kerja membuat topeng tersebut (Richter 1993:13). Topeng yang dianggap tinggi mutunya adalah yang mempunyai gaya naturalistik serta berbentuk bundar. Setiap topeng yang berkualiti mendapat sapuan gelatin berlapis-lapis sebelum dihiasi warna putih, merah, dan hijau; ia mempunyai bahagian mulut yang sederhana dengan bibir yang tebal, gigi diukir ataupun dipadankan dengan gigi khinzir, dan rambut yang sebenar ataupun dari bulu kuda. Terdapat juga kulit kambing digunakan bagi menghiasi topeng tersebut. Kayu pulai yang ditanam khas digunakan untuk mengukir patung tersebut. Kadang kala pokok yang ditanam telah dibentuk sedemikian rupa secara semulajadi supaya sesuai dibuat topeng.

Negara China yang mempunyai tamadun tertua di dunia, dikesan memulakan budaya topeng yang tertua. Penggunaan topeng digunakan dalam opera China sejak 3000 tahun yang lalu. Pada mulanya, topeng yang dipakai dalam bentuk lukisan muka untuk menggerunkan lawan dalam medan perang seperti yang dipakai oleh Maharaja Lan Lin dari negeri Paichi. Kemudian, topeng telah pula digunakan di pentas-pentas untuk melakonkan watak-watak terkenal dalam peperangan di seluruh negara China. Dalam teater China, topeng bukan sekadar untuk kecantikan muka, malah ia membawa perwatakan serta simbol tertentu. Warna dikaitkan dengan watak tertentu umpamanya merah menunjukkan kejujuran, putih kejahatan, penggarapan warna merah, kuning, dan hijau menunjukkan kegagahan (Lu, 1968). Negara Jepun juga tidak kurang hebatnya dalam membudayakan topeng. Teater rakyat serta drama tradisional Jepun seperti Noh, Bunraku, dan Kabuki menggunakan topeng yang pelbagai jenis dan saiz. Topeng ini diperbuat dari kayu ringan dan kertas serta dihias dengan rambut

manusia untuk mengujudkan satu persona mistik. Seni topeng dipakai untuk memberi lambang serta identiti sesuatu masyarakat.

Oleh kerana seseorang pengukir topeng mempunyai sensitiviti seperti seorang pelukis, maka kemasukan topeng ke dalam dunia seni dianggap sebagai karya seni halus. Unsur topeng mula digarapkan ke dalam lukisan seni moden sejak tokoh seni lukis barat seperti Pablo Picasso, Georges Braque, dan Amedeo Mondigliani mencuba beberapa pembaharuan di dalam karya senilukis mereka. Umpamanya, Picasso membuka jalan baru dengan lahirnya karya agung *Les Demoiselles d'Avagnion* pada tahun 1907. Lukisan avant garde ini dihasilkan melalui ilham topeng Afrika yang dilihat oleh pelukis di ekspo perdagangan di Paris. Hasil dari eksperimentasi tersebut, seorang pengkritik seni, Roger Fray, begitu kagum dengan topeng asli Afrika. Pada pengamatan beliau, sesetengah produk budaya, terutamanya topeng begitu tinggi daya estetikanya kalau dibandingkan dengan karya seni zaman pertengahan di Barat. Kejutan yang dibuat oleh Picasso telah mengesahkan kepada khalayak bahawa seni topeng dengan entitinya dianggap oleh dunia seni sebagai karya seni, dan pengisytiharan tersebut menandakan bermulanya zaman seni lukis moden. Seni topeng sentiasa menjadi ilham kepada pergerakan seni selepas itu seperti kumpulan Dada, Blue Reider, dan Ekspresionisme.

Pengaruh topeng seterusnya juga mempengaruhi pergerakan seni visual tempatan. Pelukis generasi pertama dan muda tanahair seperti Abdul Latif Mohidin, Lee Kian Seng, Awang Damit, Yusof Ghani, Wong Hong Cheong, Azizan Paiman, dan Rosli Zakaria (sekadar menyebut beberapa nama) tidak ketinggalan dipengaruhi unsur topeng dalam karya-karya mereka. Yusof Ghani, seniman prolific Malaysia, mengambil ilham dari topeng pribumi Sabah dan Sarawak bagi menghasilkan karya beliau *Siri Topeng*. Latiff Mohidin pula tidak ketinggalan menghasilkan karya *Siri Langkawi* yang dipadankan dari topeng tradisional tempatan.

Sejak kedatangan Islam ke rantau Asia Tenggara, penggunaan topeng sebagai satu budaya agak berkurangan kerana larangan agama Islam yang tidak membenarkan penganutnya membuat bentuk figura atau imejan muka manusia yang dianggap tahyul dan haram (Muhammad Abd. Jabbar Beg: 1977). Namun demikian, terdapat juga topeng-topeng yang digunakan dalam teater tradisional seperti Mak Yong, Menora, dan Bangsawan yang terdapat di negeri-negeri utara Malaysia seperti Kelantan, Kedah, Perlis bersempadan dengan Negara Thailand yang beragama Buddha. Ini berlaku kerana pengaruh Hindu dan Buddha begitu kuat terhadap budaya hiburan di negeri-negeri sebelah utara.

Peranan topeng dalam teater tradisional adalah bagi mententeramkan darah gemuruh pelakon dan juga menaikkan semangat terhadap perwatakan sesebuah topeng yang dipakai. Dalam teks lama seperti Hikayat Malim Deman dan Hikayat Merong Maha Wangsa, terdapat episod watak wira menggunakan topeng. Justeru itu topeng tidak juga menjadi satu yang asing di kalangan masyarakat Melayu lama. Di kalangan masyarakat Asli tempatan seperti kaum Mah Meri di Pulau Carey dan Jah Hut di Pahang, topeng adalah tunggak budaya mereka. Pelbagai jenis topeng yang terdapat dalam masyarakat Asli serta diberi nama tertentu seperti Roh, Poyang, Moyang, Bes, dan Hantu. Kaum asli ini membuat topeng untuk tujuan penyembuhan dan perubatan. Topeng-topeng ini pada mulanya diukir oleh bomoh atau batin. Nama topeng dalam masyarakat Mah Meri berdasarkan cerita dan kepercayaan masyarakat untuk tujuan perubatan, penyembuhan dan hiburan. Nama seperti Moyang Tetek Lanjut, Moyang Labi-Labi dan Moyang Katak Kala, adalah menjadi sebutan di kalangan masyarakat Asli. Selalunya topeng ini dipakai oleh batin dan bomoh sebagai perantara alam metafizik dan realiti. Bentuk-bentuk topeng masyarakat Asli ini tidak menggunakan warna tetapi rupa topeng dibezakan melalui corak, gaya, dan piuhan.

Terdapat topeng yang dipiuhkan untuk menimbulkan imejan yang menggerun, menakut serta melucukan. Terutamanya topeng untuk tujuan penyembuhan penyakit. Kebanyakan bomoh di kalangan masyarakat Asli berperanan sebagai tabib dan hakim, maka topeng menjadi mekanisme penjelmaan mereka dari manusia kepada makhluk magis.

Oleh kerana terdapatnya unsur dekorasi pada setiap topeng yang diciptakan, maka topeng telah masuk ke ruang tamu rumah moden, pejabat, dan ruang legar hotel lima bintang. Ia menjadi bahan perhiasan dalaman pula. Topeng-topeng dari kaum Asli didagangkan menjadi koleksi peminat topeng dan syarikat hiasan dalaman. Terdapat juga yang dijual oleh gedung-gedung lelong antarabangsa seperti Christie dengan harga mencapai jutaan ringgit. Pada tahun 1970an, bersama kebangkitan aliran post-modernisme, satu kegilaan masyarakat dunia mencari topeng sebagai pelaburan bagi menunjukkan status quo telah muncul. Menyimpan dan memperagakan topeng di dalam dan di luar bangunan adalah kaedah yang diilhamkan oleh budaya primitif. Topeng dan *totem pole* yang diletakkan di beberapa bahagian bangunan untuk mendapatkan pelindung menjadi contoh kepada seni bina moden zaman pertengahan di Eropah yang meletakkan topeng *Gargoyle* di setiap sudut bangunan.

Mesir tua adalah negara yang dikesan sebagai bermulanya topeng mendapat penghargaan yang tertinggi. Ini berlaku apabila budaya 'memummiakan' mayat

mesti memakai topeng agar rupa mayat tidak akan luntur. Maharaja cilik, Raja Tutankhamen, misalnya terkenal dengan topeng emas sebagai *Death Mask*nya. *Death Mask* menjadi budaya Eropah apabila kematian seseorang yang disayangi, maka topeng mayat akan dibuat terhadapnya bagi tujuan mengabadikan tokoh-tokoh tersebut. Topeng mayat yang terkenal sehingga hari ini ialah tokoh pemuzik terkenal Beethoven, penyair Jean Marat, dan pemimpin pemberontak Oliver Cromwell, yang masih boleh disaksikan pada hari ini tersimpan di muzium-muzium di Barat. Di Eropah, pada zaman Victoria, pemakaian topeng menjadi sebagai fesyen oleh kaum borjuis dan bangsawan. Majlis topeng atau *masquerade* sering diadakan sebagai agenda sosial ketika itu.

Oleh kerana topeng selalu dikaitkan dengan pelakon, maka sudah tentu unsur topeng dipakai untuk melindungi identiti pelakon disamping pelakon akan dapat menjiwai watak topeng yang dipakai (Devlin, 1993:56). Kaedah inilah yang digunakan dalam persembahan teater di mana topeng berupaya membantu pelakon dalam menonjolkan emosi, kedudukan badan, pergerakan ekspresif sesuai dengan perwatakan yang dibawa. Topeng yang diperbuat daripada manek, *papier mache*, kayu, besi, kain, dan pelbagai jenis bahan dipakai pada hari perayaan agama Kristian di New Orleans, Amerika Syarikat. Pada hari itu pelakon dan khalayak berpesta memakai topeng dari waktu malam sehingga ke waktu pagi.

Seni topeng begitu memberi kesan di kalangan masyarakat dunia. Pergolakan dunia yang sering terumbang ambing adalah disebabkan keangkuhan manusia membelakangkan asas budaya yang membentuk tamadun manusia. Walter Sorrell (1973) dalam bukunya *The Other Face, The Mask in the Arts*, berpendapat:

Primitive man puts on a mask to pacify nature, the mysterious and frightening of the unknown. His inner experience is a surrealistic nightmare. His subliminal experience belongs to his struggle with evil spirit. Modern technological man puts on a mask to challenge nature, to demystify the mysterious and to penetrate the frightening face of the unknown. His mask has a demonic power of a different kind from that of early man. The spirit of the primitive man is an imaginary creation and yet real to him, the spirit of modern man is a creation of his imagination, tested in high laboratories.

Pandangan di atas menunjukkan kepada kita betapa pemakaian topeng dalam zaman mana sekali pun masih menunjukkan pengaruhnya yang signifikan dalam masyarakat purba mahupun di zaman yang serba maju.

Walaupun Malaysia tidak mempunyai tradisi topeng yang terkenal seperti Bali dan Afrika, namun di kalangan kita terdapat masyarakat Asli yang meletakkan warisan topeng sebagai budaya yang mewarnai budaya Malaysia yang majmuk. Topeng dibentuk oleh kaum Mah Meri dan Jah Hut bagi menasihati kita supaya melalui kehidupan zaman globalisasi tanpa membelakangi warisan seni dan budaya yang menjadi pegangan kepada satu tamadun yang matang.

RUJUKAN

- Boaz, Franz. 1995. *The Primitive Art*. New York: Dover Publications.
- Colin, Rhodes. 1994. *Primitivism and Modern Art*. London: Thames & Hudson.
- Devlin, Diana. 1989. *Mask and Scene*. New York: Macmillan Press.
- Heppel, Michael. 1992. *Masks Of Kalimantan*. Indonesia: Indonesia Art Society.
- I Wayan Dibia. 1994. *Mudra* (No2, Tahun2). Indonesia: Penerbitan UPT.
- Lu, Steve. 1998. *Face Painting in China*. Singapore: MPH Publications.
- Muhammad Abd.Jabbar Beg. 1977. *Fine Arts in Islamic Civilisation*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ritcher. 1993. *Art and Craft of Indonesia*. London: Thames & Hudson.
- Sorrell, Walter. 1973. *The Other Face, the Mask in the Arts*. Indianapolis: Bobbs & Merrill.
- Syed Ahmad Jamal. 1992. *Rupa dan Jiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Werner, Roland. 1974. *Mah Meri*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.


Walaupun Malaysia tidak mempunyai tradisi topeng yang terkenal seperti Bali dan Afrika, namun di kalangan kita terdapat masyarakat Asli yang meletakkan warisan topeng sebagai budaya yang mewarnai budaya Malaysia yang majmuk. Topeng dibentuk oleh kaum Mah Meri dan Jah Hut bagi menasihati kita supaya melalui kehidupan zaman globalisasi tanpa membelakangi warisan seni dan budaya yang menjadi pegangan kepada satu tamadun yang matang.

RUJUKAN

- Boaz, Franz. 1995. *The Primitive Art*. New York: Dover Publications.
- Colin, Rhodes. 1994. *Primitivism and Modern Art*. London: Thames & Hudson.
- Devlin, Diana. 1989. *Mask and Scene*. New York: Macmillan Press.
- Heppel, Michael. 1992. *Masks Of Kalimantan*. Indonesia: Indonesia Art Society.
- I Wayan Dibia. 1994. *Mudra* (No2, Tahun2). Indonesia: Penerbitan UPT.
- Lu, Steve. 1998. *Face Painting in China*. Singapore: MPH Publications.
- Muhammad Abd.Jabbar Beg. 1977. *Fine Arts in Islamic Civilisation*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ritcher. 1993. *Art and Craft of Indonesia*. London: Thames & Hudson.
- Sorrell, Walter. 1973. *The Other Face, the Mask in the Arts*. Indianapolis: Bobbs & Merrill.
- Syed Ahmad Jamal. 1992. *Rupa dan Jiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Werner, Roland. 1974. *Mah Meri*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.



Topeng Moyang Kata Kali dipakai ketika sewang memuja nenek moyang. Mah Meri, kaum Carey.



Topeng Sri Langka